

TERMA DAN SYARAT
PERTANDINGAN MEWARNA SIMPAN SSPN

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2025 merupakan salah satu kempen yang telah dirancang dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Pertandingan Mewarna Simpan SSPN diadakan bagi kanak-kanak di Peringkat Tadika dan Sekolah Rendah bagi mengetengahkan bakat kreativiti anak-anak di samping memupuk dan memberi gambaran kepada anak-anak bahawa pentingnya amalan menabung. Bagi menyertai pertandingan ini, peserta perlu mewarna lukisan yang disediakan semasa hari pertandingan.
3. Pertandingan ini terbuka kepada peserta peringkat **sekolah rendah**, maklumat adalah seperti di bawah:

Pertandingan Mewarna Peringkat Sekolah Rendah

- i. Kategori 1: Peserta berumur 7 hingga 9 tahun (Tertutup)
- ii. Kategori 2: Peserta berumur 10 hingga 12 tahun (Tertutup)

TARIKH PERTANDINGAN

4. Pertandingan ini akan diadakan pada **26 September 2025 (Jumaat)** bagi peringkat bagi peringkat sekolah rendah bertempat di **Central i-City Mall, Shah Alam, Selangor**.
5. Semua peserta hendaklah diiringi oleh ibu bapa, guru atau penjaga mereka sepanjang pertandingan.
6. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

7. Terdiri daripada **warganegara Malaysia**.
8. Pertandingan ini **LAYAK** disertai oleh semua pelanggan PTPTN **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

CARA PENYERTAAN

9. Peserta perlu hadir dan membuat pengesahan pendaftaran pada hari pertandingan.
10. Peserta dibenarkan untuk menggunakan **pensel warna ATAU krayon sahaja**.
11. Peserta akan dibekalkan dengan pensel warna sahaja daripada pihak PTPTN. Walau bagaimanapun, peserta adalah dibenarkan untuk membawa krayon dan lain-lain peralatan tambahan seperti meja kecil semasa aktiviti mewarna.
12. Penggabungan warna antara pensel warna dan krayon dalam satu kertas mewarna adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
13. Peserta perlu mengisi maklumat nama penuh, nama sekolah dan umur di ruangan yang disediakan.

PEMILIHAN PEMENANG

14. Pemenang akan dipilih berdasarkan pemarkahan panel juri yang dipilih oleh pihak PTPTN.
15. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

i. PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH
Kategori 1 7 – 9 tahun (Tertutup)	Pertama	RM150 + Sijil x 1 pemenang
	Kedua	RM120 + Sijil x 1 pemenang
	Ketiga	RM100 + Sijil x 1 pemenang
	Keempat	RM80 + Sijil x 1 pemenang
	Kelima	RM50 + Sijil x 1 pemenang

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH
Kategori 2 10 - 12 tahun (Tertutup)	Pertama	RM150 + Sijil x 1 pemenang
	Kedua	RM120 + Sijil x 1 pemenang
	Ketiga	RM100 + Sijil x 1 pemenang
	Keempat	RM80 + Sijil x 1 pemenang
	Kelima	RM50 + Sijil x 1 pemenang

16. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
17. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
18. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

19. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
20. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
21. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
22. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
23. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
24. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.

25. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
26. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
27. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh

**Pertandingan Mewarna Simpan SSPN
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2025**

Maklumat dikemas kini pada 14 Ogos 2025